

**DI LEMA TANAH ADAT ABAD KE 20:
TINJAUAN DAERAH REMBAU,
NEGERI SEMBILAN**

ROSWATI BT YAAKUB

**LATIHAN ILMIAH INI ADALAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAN,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
BANGI, SELANGOR.**

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

29.4.97

.....
Tarikh



.....
ROSWATI YAAKUB

PENGHARGAAN

Di sini penulis mengambil peluang keemasan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia iaitu Profesor Dr.Mahayudin Yahya di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penghasilan tesis ini sehinggalah ia menjadi sebuah tesis yang lengkap. Ucapan ini juga ditujukan kepada Datuk Lembaga Sri Selemak, Rembau iaitu Datuk Usman Lanjung, Datuk Mendaliko dan Setiausaha Dewan Keadilan iaitu Datuk Muhammad Ghazali serta tidak lupa juga kepada Encik Sulaiman Kadmi selaaku Pegawai Penyelesai Pusaka di atas kerjasama yang diberikan untuk melengkapkan tesis ini.

Buat suami yang dikasihi, Nik Ahmad Marzuki, segala dorongan dan pengorbanan yang dicurahkan kepada penulis, akan sentiasa dihargai dan sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Begitu juga dengan ibu bapa tersayang yang selama ini telah banyak berkorban demi melihat kejayaan penulis, jasa kalian akan tetap dikenang hingga ke akhir hayat.

Tidak ketinggalan juga terima kasih buat kak za, mini dan Amir serta kepada semua yang terlibat dan memberi kerjasama untuk melengkapkan tesis ini. Terima kasih atas segalanya.

ABSTRAK

Adat Perpatih merupakan adat yang unik dan telah sekian lama diamalkan oleh penduduk Negeri Sembilan khususnya dan sebahagian kecil daripada penduduk Melaka umumnya. Adat yang diasaskan oleh Datu Perpatih Nan Sebatang ini mengandungi pelbagai elemen menarik yang terdiri daripada pelbagai aspek seperti politik, sosial, ekonomi dan agama. Salah satu daripada unsur terpenting yang terdapat dalam Adat Perpatih ialah Tanah Adat. Tanah Adat merupakan tanah warisan turun-temurun yang diwarisi mengikut sistem sanak ibu ataupun lebih dikenali sebagai sistem matrilineal. Tanah Adat merupakan harta yang amat berharga dan melambangkan status masyarakat Adat Perpatih yang harus dipertahankan. Ia tidak boleh dijual beli, pindahmilik ataupun digadai melainkan disertai dengan syarat yang telah ditetapkan oleh adat. Sememangnya masyarakat yang kaya dengan adat ini adalah sebuah masyarakat yang amat patuh pegangannya seperti kata pepatah 'Biar Mati Anak Jangan Mati Adat'.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	iv
RUJUKAN	vii
JURNAL	ix
KERTAS KERJA	x
LATIHAN ILMIAH	xi
TEMUBUAL	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 KONSEP ADAT	1
1.2 PEMBAHAGIAN ADAT	2
1.3 LATARBELAKANG ADAT PERPATIH	4
1.4 SEBAB DINAMAKAN ADAT PERPATIH	5
1.5 KONSEP ADAT PERPATIH	
1.5.1 Nilai dan Falsafahnya	6
1.6 LATARBELAKANG TANAH ADAT	10
1.6.1 Konsep Tanah Adat	12

1.6.2	Sistem Pewarisan Tanah Adat	15
1.7	LATARBELAKANG DAERAH REMBAU	
1.7.1	Nama Asal Rembau	16
1.7.2	Kedudukan Rembau	17
1.7.3	Penduduk Awal Rembau	17
1.7.4	Kedatangan Minagkabau ke Rembau dan Negeri Sembilan	18
1.7.4	Kedatangan Minagkabau ke Rembau dan Negeri Sembilan	20
1.7.6	Sistem Pentadbiran Adat di Rembau.	22
BAB 2 SISTEM PEWARISAN ADAT PERPATIH DAN SISTEM PEWARISAN ISLAM		
	PEWARISAN ISLAM	25
2.1	DUA PERSPEKTIF YANG BERBEZA	25
2.2	ASAL-USUL SISTEM NASAB IBU	26
2.3	WARIS DAN PEWARISAN	27
2.4	PEWARIS MENGIKUT KATEGORI HARTA	29
2.5	BERKADIM	32
2.6	HIBAH	35
2.7	SISTEM PEWARISAN ISLAM	36
2.8	SYARAT-SYARAT MEWARISI	37
2.9	HAK-HAK WARIS	38
2.10	SEBAB BAHAGIAN LELAKI DUA KALI GANDA DARIPADA BAHAGIAN WANITA	38

2.11	PERTENTANGAN HUKUM ADAT DENGAN HUKUM SYARAK	40
2.12	SEBAB-SEBAB HUKUM ADAT BERTENTANGAN DENGAN HUKUM SYARAK	41
BAB 3	PERKEMBANGAN TANAH ADAT	44
3.1	TANAH ADAT PADA ZAMAN AWAL MINANGKABAU DI NEGERI SEMBILAN	44
3.2	TANAH ADAT PADA ZAMAN INSTITUSI BERAJA	48
3.3	PENTADBIRAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN	52
3.4	UNDANG-UNDANG YANG DIPERKENALKAN	54
3.5	UNDANG-UNDANG KHAS BAGI TANAH ADAT	58
	KESIMPULAN	62
BAB 4	TANAH ADAT TERBIAR	65
4.1	DEFINISI TANAH TERBIAR	65
	4.1.1 Tanah Terbiar di Negeri Sembilan	68
4.2	FAKTOR YANG MENYEBABKAN TANAH ADAT TERBIAR	69
BAB 5	PEMBANGUNAN TANAH ADAT	83
5.1	PENDAHULUAN	83
5.2	TUJUAN PEMBANGUNAN TANAH ADAT	83
5.3	CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH ADAT	86
	KESIMPULAN	95

PENDAHULUAN

Bahagian pendahuluan ini akan menjelaskan tentang tujuan kajian, kaedah kajian, bidang kajian, permasalahan kajian dan kajian-kajian lepas. Sebagai salah satu unsur yang berkait rapat dengan adat, tanah Adat mempunyai nilai yang tinggi dari segi kesejarahannya. Dalam konteks ini, Tanah Adat akan dilihat bagaimana sejarah kewujudannya, iaitu dari zaman-berzaman adat ini dijunjung sehinggalah ia kini menjadi satu dilema ataupun masalah yang agak rumit dalam abad kedua puluh ini terhadap pembangunan sosio ekonomi negara.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauhmana sejarah kewujudan dan pewarisan Tanah Adat ini dalam masyarakat yang mendokong Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Amalan pewarisan yang agak berbeza dengan adat lain seperti Adat Temenggung yang diamalkan oleh hampir keseluruhan negeri di Malaysia. Kajian ini juga akan melihat sebab-sebab yang menghalang tanah Adat ini dibangunkan dan apakah ia merupakan satu masalah yang amat ketara dan dapat mengancam pemodenan pada abad kedua puluh ini serta cadangan-cadangan yang dapat dimanfaatkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Oleh, itu, kajian terhadap Tanah Adat ini merupakan satu kajian yang amat menarik. Ia bertolak dari zaman awal Adat Perpatih diamalkan hinggalah ke hari ini.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian utama yang digunakan dalam kajian ini ialah resensi kepustakaan yang meliputi Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Jabatan Sejarah (UKM), Perpustakaan Negeri (Negeri Sembilan), Perpustakaan Pejabat Penasihat Undang-Undang

Negeri Sembilan, Perpustakaan Negara dan juga Arkib Negara bagi mendapatkan bahan-bahan primier dan sekunder dalam bentuk teks, artikel, buku dan mikrofilem.

Seterusnya mendapatkan bahan-bahan seperti statistik dan laporan dari pejabat Tanah Daerah Rembau, Pejabat Daerah Rembau, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan dan Mahkamah Keadilan bagi mendapatkan rujukan-rujukan kes terdahulu. Temubual juga turut diadakan dengan beberapa orang responden seperti Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan, Peguam Persekutuan, Pegawai Daerah Rembau, Penghulu Rembau, Setiausaha Dewan Keadilan, Pemegang-pemegang serta mereka yang terlibat dengan Tanah Adat ini.

BIDANG KAJIAN

Bidang kajian ini difokuskan kepada Tanah Adat yang ada di sekitar Negeri Sembilan amnya dan daerah Rembau khasnya. Skop kajian ini sebenarnya bermula dari awal pegenalan sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan perhatian yang lebih spesifik akan diberi kepada sekitar abad kedua puluh ini. Pada zaman ini, Tanah Adat dikatakan turut menyumbangkan masalah terhadap pembangunan kerana ia tidak boleh dimajukan oleh pihak kerajaan mahupun swasta lantaran mendapat tentangan daripada pemiliknya.

Daerah Rembau dipilih sebagai tempat kajian kerana daerah ini merupakan satu daerah yang mempunyai Tanah Adat yang paling banyak di Negeri Sembilan. Tanah-tanah yang banyak ini sebaliknya mempunyai nilai ekonomi tetapi tidak dibangunkan. Penduduk Rembau adalah antara pemegang Adat Perpatih yang amat kuat peganganya. Kepatuhan mereka tidak hanya terbatas kepada soal harta pusaka sahaja malah merangkumi kesemua

hal ehwal yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Adat-adat ini tidak boleh dilanggar kerana ia telah diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

Walaupun jangka waktu kajian ini bermula dari awal Adat Perpatih diperkenalkan di Negeri Sembilan, namun ia hanya menyentuh sebahagian kecil saja jangka waktu tersebut. Abad kedua puluh merupakan kajian spensifik tesis ini kerana pada waktu ini munculnya pembangunan yang pesat di nnnegara ini. Pembangunan ini pastinya meliputi seluruh kawasan bandar dan pinggir-pinggir bandar. Banyak kawasan-kawasan baru yang diterokai oleh kerajaan. Namun dalam penerokaan kawasan-kawasan baru ini pihak-pihak kerajaan tidak dapat lari dari tuan punya tanah yang tidak mahu menyerahkan tanah mereka untuk dimajukan terutamanya pemilik Tanah Adat. Dalam hal ini, penentangan tuan punya Tanah Adat di Rembau akan diketengahkan sebagai bahan kajian tesis ini.

MASALAH KAJIAN

Masalah yang dihadapi di dalam kajian ini ialah kesukaran mendapatkan jawapan atau komen yang menyeluruh daripada responden. Kebanyakan responden yang ditemui tidak mahu memberi komen yangdetail terhadap persoalan yang dikemukakan. ini adalah kerana Tanah Adat berkait rapat dengan adat yang telah sekian lama diamalkan oleh suku-suku tertentu. Ia merupakan isu sensitif yang sukar diperkatakan. Terdapat responden yang bercakap secara berselindung kerana bimbang akan menyinggung pihak-pihak yang tertentu. Malah bagi sesetengah suku yang ekstrim, mereka tidak mahu adat yang mereka junjung sejak dari zaman nenek moyang diberi komen ataupun dikritik oleh pihak lain. Dalam hal ini, pemilihan responden yang sanggup bekerjasama amat diperlukan untuk menjayakan tesis ini.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian-kajian lepas,terdapat ramai pengkaji yang melihat tentang tanah di Malaysia. contohnya tentang sistem pentadbiran tanah di zaman British, akta tanah dan pengolahan tanah. Saudara Nadzan Haron (1977/78) telah mengkaji tentang Daerah Kuala Pilah Dari Awal Kurun Ke 1800-1957 yang mengkaji Sistem Pentadbiran Tanah Pusaka Masyarakat Adat Perpatih. Walaupun seperti yang dinyatakan terdapat banyak pengkajian yang dibuat terhadap tanah di Malaysia, namun belum ada lagi yang mengkaji tentang Tanah Adat secara spesifik. Maka adalah dirasakan wajar ia dikaji sebagai jawapan kepada persoalan Dilema Tanah Adat pada abad kedua puluh yang membuat tinjauan khusus di Daerah Rembau, Negeri Sembilan. Apa yang penting ialah semoga hasil kajian ini akan dapat memberi pemahaman terhadap pembaca tentang konsep Tanah Adat iaitu dari segi sejarahnya dan penyelesaian tentang permasalahan yang dihadapi berkaitan dengan Tanah Adat ini pada abad kedua puluh ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini diharapkan agar dapat melihat dengan jelas sejauh mana Tanah Adat ini dapat difahami oleh masyarakat. Walaupun zaman silih berganti namun tidak dapat dinafikan Adat Perpatih yang diamalkan masih lagi kukuh tersemat di jiwa pengamalnya. Mereka masih lagi berpegang teguh pada adat yang telah sekian lama mereka junjung. Oleh itu, sebarang pantang larang yang terdapat dalam adat tidak dapat dilanggar termasuklah mempertahankan hak mereka terhadap Tanah Adat. Walaupun diberi ganjaran yang besar oleh pihak tertentu namun, ini tidak dapat membeli nilai Tanah Adat masyarakat

Adat Perpatih. Lantaran ketaksuban inilah, telah menimbulkan dilema pada abad kedua puluh ini yang mana Tanah-Tanah Adat ini turut menyumbangkan masalah kepada penghalang pembangunan negara. Pihak yang terlibat haruslah menyelesaikan masalah ini dengan bijak dan secara diplomasi kerana hak-hak orang lain tidak dapat dicabuli di samping menghormati adat yang diamalkan oleh masyarakat tertentu.

BAB 4

TANAH ADAT TERBIAR

4.1 DEFINISI TANAH TERBIAR

Tanah Terbiar boleh didefinisikan sebagai tanah yang ditnggal, tidak diusahakan dan tidak lagi mengeluarkan hasil yang sepenuhnya. Di utara Semenanjung Malaysia, tanah terbiar juga dikenali sebagai Tanah Rang. Terdapat juga gelaran tanah-tanah kosong di persekitaran kampung terutama sekali tanah-tanah sawah atau dusun-dusun tinggal yang dikenali sebagai Janda Terlentang. Gelaran ini amat sesuai kerana ia memberi kiasan bahawa tanah kosong itu ibarat seorang gadis yang dahulunya cantik, muda, telah bersuami dan melahirkan beberapa orang anak tetapi kini sudah tua sedikit dan ditinggalkan begitu sahaja walaupun masih mampu untuk menjadi produktif semula⁹³.

Tanah terbiar juga boleh ditakrifkan sebagai kawasan yang telah diberi hakmilik tetapi tidak diusahakan atau sebahagian kecil saja diusahakan atau keseluruhan tanah itu diusahakan tetapi selepas beberapa waktu menjadi terbiar. Ini menyebabkan hasilnya tidak diperolehi atau hasilnya tidak selaras dengan keluasan tanah tersebut⁹⁴.

⁹³ Abdul Samad Idris, Adat Merentas Zaman, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, 1994, halaman 101.

⁹⁴ Norzaimah Ab. Aziz, Keberkesanan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, halaman...

Pengertian umum yang diberi kepada tanah terbiar ialah sebidang tanah yang telah dikeluarkan hakmilik tetapi ditinggalkan begitu saja ataupun tidak diusahakan sepenuhnya untuk pengeluaran hasil yang maksimum. Ini termasuklah sawah-sawah yang dikerjakan satu musim saja dan tidak diusahakan pada masa yang lain⁹⁵.

Pada tahun 1980, kerajaan telah membuat kajian terhadap tanah terbiar di negara ini dan mendapati terdapat lebih kurang 890,000 hektar (2,201,750 ekar) tanah terbiar di Semenanjung Malaysia. Tanah -tanah ini meliputi tanah sawah, kebun getah, dusun, kawasan kelapa sawit, koko dan sayur-sayuran. Terdapat lebih kurang 153,767 hektar tanah sawah dikenalpasti sebagai tanah terbiar iaitu 10% daripada keluasan tanah sawah yang terdapat di Semenanjung Malaysai manakala 736,233 hektar adalah bukan tanah sawah⁹⁶.

Ini dapat dilihat di dalam Jadual 1 yang menunjukkan bilangan petani dan keluasan tanah terbiar sehingga tahun 1986, Negeri Sembilan merupakan negeri yang ketujuh mempunyai keluasan tanah terbiar di Negera ini. Keluasan tersebut ialah 7870 hektar dan melibatkan bilangan petani yang kelima teramai dalam negara

Jadual 1, Bilangan petani dan keluasan tanah terbiar sehingga tahun 1986 di Semenanjung Malaysia.

⁹⁵ Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, halaman 181.

⁹⁶ Norzaimah Ab. Aziz, *Keberkesanan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan*, halaman...

Negeri	Bilangan Petani	Peratus	Luas (hektar)	Peratus
Terengganu	11655	11.0	11020.8	12.2
Perak	15333	14.5	13308.8	14.7
Selangor	4276	4.1	3148	3.5
Pulau Pinang	3098	2.9	2514	2.8
Johor	6479	6.1	7922.4	8.7
Kedah	14050	13.3	10657.6	11.8
Pahang	9836	9.3	12484.4	13.8
Melaka	9785	9.3	4975.2	5.5
Kelantan	20837	19.7	16556.4	18.3
Negeri Sembilan	10299	9.8	7870.4	8.7
JUMLAH	105648	100	90458	100

Sumber: Laporan Kementerian Pertanian, 1986.

iaitu seramai 10 299 orang. Ini di sebabkan oleh beberapa faktor yang berkaitan terutamanya sebahagian besar daripada tanah-tanah yang terlibat adalah terdiri daripada Tanah Adat⁹⁷.(lihat Jadual 1 di atas dan Peta 1.(lihat lampiran A)

⁹⁷ Main Rindam, Tanah Terbiar : Masalah dan Penyelesaiannya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, halaman 20.

4.1.1 Tanah Terbiar di Negeri Sembilan

Negeri Sembilan mempunyai jumlah keluasan tanah sebanyak 1,642,183 hektar, sebanyak 1,016,106 ekar daripadanya adalah tanah pertanian manakala 34,551 ekar daripadanya adalah tanah Adat ataupun Tanah Pusaka. Sebahagian besar daripada tanah Adat ini terdiri daripada tanah sawah dan tanah kampung⁹⁸.

Tanah Terbiar telah dikenalpasti wujud di Negeri Sembilan semenjak tahun 1960 an lagi. Pada tahun 1972, keluasan tanah terbiar di Negeri Sembilan telah dikenalpasti secara rambang⁹⁹. Manakala mengikut kajian yang dibuat oleh Kementerian Pertanian sehingga tahun 1986, Negeri Sembilan merupakan negeri yang ketujuh mempunyai keluasan tanah terbiar di Negara ini iaitu seluas 7870 hektar. Ini dapat dilihat di dalam Jadual 2 di sebelah yang menunjukkan keluasan tanah terbiar di Negeri Sembilan mengikut daerah yang terdapat di negeri itu. Data tersebut menerangkan daerah Kuala Pilah merupakan daerah paling banyak mempunyai tanah terbiar di Negeri Sembilan iaitu 3 492 hektar dengan bilangan petani seramai 4254 orang. Manakala daerah Rembau pula mencatatkan tempat kedua dengan keluasan tanah terbiar sebanyak 1943.6 hektar iaitu 25.4% daripada keluasan tanah terbiar di Negeri Sembilan. Ini melibatkan jumlah petani seramai 2962 orang. Peta 1 juga turut menunjukkan keluasan tanah terbiar dan bilangan petani di Negeri Sembilan sehinggalah tahun 1986 dengan lebih jelas lagi. (lihat lampiran 1)¹⁰⁰.

⁹⁸ Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, halaman 183.

⁹⁹ Norzaimah Ab. Aziz, *Keberkesanan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur*, halaman...

¹⁰⁰ Main Rindam, *Tanah Terbiar : Masalah dan Penyelesaiannya*, halaman 22.

Jadual 2. Bilangan petani dan keluasan tanah terbiar sehingga tahun 1986 di Negeri Sembilan

Daerah	Luas	Peratus	Bil.Petani	Peratus
Seremban	807.2	10.5	1 030	10.0
Tampin	151.2	2.0	539	5.2
Jempol	526.8	6.9	692	6.7
Jelevu	546.4	7.1	565	5.5
Kuala Pilah	3 492.8	45.5	4 254	41.3
Port Dickson	202.4	2.6	257	2.5
Rembau	1 943.6	25.4	2 962	28.8
JUMLAH	7 670.4	100.0	10 299	100.0

Sumber: Laporan Kementerian Pertanian, 1986

4.2 FAKTOR YANG MENYEBABKAN TANAH ADAT TERBIAR

Sebahagian besar daripada Tanah Adat di Negeri Sembilan menghadapi masalah iaitu sukar untuk dibangunkan sama ada oleh pihak kerajaan, swasta mahupun pemilik tanah itu sendiri. Oleh sebab itu, berlakunya Tanah Adat yang terbiar dengan bilangan yang amat tinggi. Ini menyebabkan berlakunya pembaziran dan kerugian kepada pelbagai pihak termasuklah kepada ekonomi negara. Terdapat beberapa punca utama yang menyebabkan berlakunya tanah Adat terbiar di Negeri Sembilan seperti yang diterangkan di bawah.

1) Berlakunya penghijrahan tenaga buruh secara besar-besaran ke bandar-bandar besar di kalangan anak-anak muda di kampung. Kajian di Rembau menunjukkan hampir sebahagian besar daripada anak-anak muda daerah tersebut telah berhijrah ke bandar untuk bekerja. Mereka berkemcimpung di dalam sektor kerajaan, swasta dan kilang-kilang. Mereka lebih tertarik kepada pendapatan lumayan yang ditawarkan berbeza dengan di kampung-kampung di mana gaji tidak tetap serta untuk menyahut panggilan arus pemodenan. Satu kajian telah dibuat oleh Negeri Sembilan Timur, Regional and Development Study, di dalam Special Report pada tahun 1974 telah menunjukkan penghijrahan yang berlaku di daerah Negeri Sembilan iaitu Jelabu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin telah melibatkan 513,536 hektar tanah pertanian di daerah tersebut tidak diusahakan. hanya dua pertiga sahaja daripada tanah sawah yang dikerjakan dan selebihnya menjadi tanah terbiar. mankala sebanyak 6,070 hektar tanah tidak pertanian tidak dikerjakan kerana kekurangan tenaga pekerja akibat penghijrahan ke bandar-bandar¹⁰¹.

2) Selain daripada penghijrahan untuk bekerja, terdapat ramai anak kampung yang berhijrah ke bandar untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Mereka meninggalkan kampung untuk jangka masa yang agak lama dan terus hidup di bandar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih terjamin sesuai dengan kelayakan.

3) Penghijrahan di kalangan penduduk kampung juga tidak semestinya di kalangan anak-anak muda sahaja malah turut melibatkan golongan pertengahan yang masih bertenaga. Mereka telah menyahut seruan kerajaan untuk menyertai rancangan perkampungan-perkampungan

¹⁰¹ Norzaimah Ab. Aziz, Keberkesanan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur, halaman...

baru yang luas dan terperancangan menerusi rancangan agensi yang khusus seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kenajuan Tanah Negara dan agensi-agensi lain. Walaupun situasi ini tidak banyak melibatkan penduduk daerah Rembau, namun ia boleh mengurangkan tenaga pekerja yang berpotensi untuk dijadikan petani komersil atau peneroka daerah sendiri. Satu statistik pada tahun 1978 telah mencatatkan Negeri Sembilan merupakan negeri kedua tertinggi di Malaysia dari segi migrasi keluar sebagai peratusan dari jumlah penduduk yang dilahirkan di negeri ini. Dari segi penghijrahan ke tanah rancangan, mengikut statistik, Negeri Sembilan merupakan negeri tertinggi penduduknya berhijrah ke rancangan FELDA sebagai peratusan dari jumlah penduduk negeri itu iaitu 0.7%. Banci penduduk 1980 mencatatkan bahawa penghijrahan keluar dikalangan penduduk Rembau adalah seramai 19,826 orang atau 54.5% dari jumlah penduduk Rembau¹⁰². Mereka lebih tertarik kepada pendapatan lumayan yang ditawarkan di tanah-tanah rancangan ini kerana terdapat sistem terperinci yang diatur oleh pihak kerajaan. Selain daripada itu, mereka juga berpeluang memiliki tanah secara percuma dengan menyertai tanah-tanah rancangan ini.

4) Perkembangan dan perindustrian bukan saja berlaku di bandar-bandar besar tetapi juga di bawa ke kawasan pesekitaran yang berhampiran dengan kampung-kampung terutama industri ringan. Walupun tinggal di kampung-kampung, namun anak-anak muda lebih tertarik untuk bekerja di kilang berhampiran kerana berpendapatan tetap. Ini telah menjadikan golongan ini sebagai absantee lanland. Mereka telah mempawahkan tanah kampung kepada orang lain atau tinggal begitu saja menjadi belukar¹⁰³.

¹⁰² Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, halaman 253.

¹⁰³ *Ibid*, halaman 188.

5) Gaya hidup moden menyebabkan anak-anak muda tidak mahu mengerjakan tanah adat yang ada di kampung. Mereka menganggap bekerja sebagai petani, penternak dan tinggal di kampung tidak dapat menjamin mata pencarian mereka. Tambahan pula, mereka dibesarkan bukan hasil titik peluh dari pertanian atau kerja kampung. Ini menyebabkan mereta tidak berminat untuk menceburi penerokaan Tanah Adat untuk dijadikan sumber rezeki. Di tambah pula dengan sikap ibu bapa dewasa ini yang tidak memberi galakan kepada anak mereka untuk mengusahakan Tanah Adat secara komersil. Mereka lebih suka anak-anak berjaya dalam pelajaran dan menjawat jawatan tinggi di bandar-bandar besar. Cuba lihat Jadual 3 di sebelah yang menunjukkan jenis dan taraf pekerjaan penduduk Rembau (Melayu). Walaupun sebahagian besar daripada penduduk Rembau bekerja sebagai petani (penoreh getah 31.7%, penanam padi 34.0%) namun, bilangan mereka ini terdiri daripada golongan tua yang sudah tidak mempunyai tenaga yang kuat lagi. Walaupun peratus kakitangan kerajaan adalah lebih kurang 16.4% namun, bilangan ini akan terus meningkat dari masa ke semasa. Cuba lihat Jadual 4 di bawah yang mencatatkan Pekerjaan Penduduk Melayu Rembau serta Jadual 5 yang mencatatkan Taraf Pekerjaan penduduk daerah Rembau. Bagi mereka yang bekerja kilang, bilangan juga semakin bertambah. Kedua golongan ini merupakan golongan yang masih bertenaga dan mempunyai daya produktiviti yang tinggi. Peratus golongan petani semakin berkurang dari masa ke semasa dan ini akan mempengaruhi sektor pertanian¹⁰⁴.

¹⁰⁴ Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, halaman 247.

Jadual 4. Pekerjaan Penduduk Melayu Rembau
(%)

Penoreh getah	31.7%
Penanam padi	34.0%
Kakitangan kerajaan	16.4%
Pekerja-pekerja estet	1.7%
Pekerja kilang	5.2%
Lain-lain	10.9%

Jadual 5. Taraf Pekerjaan

Peringkat majikan	10.9%
Pekerja	31.0%
Pekerja sendiri	41.4%
Pekerja keluarga	16.7%

6) Golongan yang cuba menceburi diri dalam bidang pertanian adalah terdiri daripada mereka yang tidak berjaya dalam usaha-usaha lain ataupun mereka telah bersara daripada berkhidmat dalam tentera atau polis. Setelah pencen, mereka menetap di kampung untuk mengusahakan tanah pusaka mereka di kampung. Tetapi mereka ini tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam sektor pertanian dan akhirnya gagal dalam usaha ini. Keadaan ini menjadi satu dilema dan punca Tanah Adat menjadi terbiar¹⁰⁵.

¹⁰⁵ Abdul Samad Idris, Adat Merentas Zaman, halaman 185.

7) Tanah Adat juga sukar diusahakan kerana tidak ada persepakatan dalam usaha membangunkannya sama ada untuk pertanian, peternakan atau perladangan. Ini kerana kesukaran mendapat persetujuan dari kesemua tuan punya tanah. Contohnya penanaman padi di kampung Batu, Mukim Sri Selemak, Rembau, Sebahagian besar daripada Tanah Adat di sini terdiri daripada tanah sawah. Lantaran kesukaran mendapatkan persetujuan dari kesemua tuan punya Tanah Adat biasanya satu kelompok keluarga, menyebabkan adanya petak-petak yang diusahakan dan ada yang tidak diusahakan langsung. Keadaan ini menyukarkan pengairan dan mendedahkan tanah kepada ancaman musuh tanaman yang mengakibatkan kegagalan kepada penanaman padi. Perkara ini menyebabkan petani tidak ada minat untuk meneruskan usaha penanaman mereka.

8) Enakmen Tanah Adat 1911, Chapter 125 (C.L.E.1911) secara tidak langsung menyekat perkembangan Tanah Adat di Negeri Sembilan. Enakmen ini merupakan undang-undang untuk mentadbir Tanah Adat yang telah menghadkan Tanah Adat itu kepada tanah bercop 'Tanah Adat' sahaja. Jika tanah itu merupakan Tanah Adat tetapi tiada mempunyai cop perkataan Tanah Adat ianya tidak termasuk di dalam kategori Tanah Adat dan tidak tertakluk kepada pentadbiran Tanah Adat. Undang-undang ini secara tidak langsung telah menyekat pertambahan keluasan Tanah Adat di Negeri Sembilan. Sungguhpun ada syarat yang menyatakan bahawa tanah bukan adat yang diwariskan kepada kaum perempuan boleh dijadikan tanah pusaka jika dipohon, tetapi, sebenarnya tidak ramai yang memohon untuk berbuat demikian. Akibatnya Tanah Adat tidak bertambah sebaliknya menjadi semakin sempit

kerana dipecah-pecahkan menjadi petak kecil semasa pembahagian pusaka dan tidak ekonomis untuk diusahakan¹⁰⁶.

9) Keadaan iklim juga boleh mempengaruhi keadaan sesuatu kawasan. Dewasa ini pembangunan amat pesat melanda bukan saja di bandar-bandar besar malah menular ke kawasan pinggir bandar. Akibat pembangunan ini, banyak pkoko ditebang dan bukit diruntuhkan untuk memajukan sesuatu kawasan. Keadaan ini banyak memberi perubahan kepada kawasan tadahan hujan (catchment area) yang memberi kesan kepada jumlah hujan yang diterima di satu-satu kawasan. Oleh sebab itu, jumlah air hujan tidak mencukupi untuk diairi ke kawasan-kawasan pertanian. Air tidak mengalir ke kawasan-kawasan pertanian tetapi terus mengalir ke laut menyebabkan sawah menjadi kering kontang dan sukar diusahakan. Ini sudah tentunya memberi masalah kepada petani yang bergantung kepada hujan semata-mata untuk mengairi kawasan pertanian mereka. Walaupun pembangunan di daerah Rembau adalah terkawal namun, terdapat beberapa kawasan terutamanya di pinggir-pinggir jalan raya yang terlibat dalam masalah ini ekoran dari projek meluaskan dan melebarkan jalan raya. Jalan-jalanraya ini dibina lebih tinggi daripada kawasan sawah menyebabkan sistem pengairan menjadi tidak betul¹⁰⁷.

10) Keluasan Tanah Adat yang tidak ekonomis menyebabkan ia sukar dikerjakan secara komersil. Bilangan penduduk yang semakin meningkat, pemecahan tanah sewaktu pembahagian pusaka antara waris yang berhak menyebabkan ia terpecah kepada petak-petak

¹⁰⁶ Che Wan Rohaya Ramli. Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, halaman 79.

¹⁰⁷ Che Wan Rohaya Ramli. Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, halaman 79

yang kecil. Oleh kerana bilangan mereka yang berhak adalah ramai, maka setiap orang akan mendapat petak yang kecil sahaja.

Mengikut kajian Stivens dan Pelets di Rembau, setiap waris yang berhak akan mengambil bahagian masing-masing walaupun tidak kesemua penduduk Rembau terdiri daripada petani. Pemilikan Tanah masih menjadi pertimbangan penting. Harta pusaka dianggap perlu walaupun tidak dikerjakan. Satu komoditi tanah pusaka tidak mempunyai nilai komersil yang tinggi kerana proses jualbeli yang terhad¹⁰⁸.

Purata keluasan tanah sawah atau dusun di Negeri Sembilan yang merupakan harta pusaka adalah dalam lingkungan 0.5 hingga 3 eker sahaja. Sebahagian besar daripada keluarga mempunyai kurang daripada satu ekar tanah sawah atau kampung. Ini dapat dilihat didalam jadual 6 di sebelah yang menunjukkan jumlah bilangan Tanah Adat bagi seluruh Negeri Sembilan mengikut daerah.

¹⁰⁸ Adat Sebagai Warisan Budaya Bangsa, JPM. Universiti Kebangsaan Malaysia, halaman 16.

Jadual 6. Taburan Keluasan Tanah Adat Mengikut Daerah di Negeri Sembilan 1983.

Bil.	Daerah	Keluasan		Bilangan		Bilangan
		Ekar	Rode	Pole	Lot	Hakmilik
1.	K.Pilah	18,000	1	31.43	9,950	9,945
2.	Rembau	12,680	2	37.76	8,622	8,587
3.	Tampin	2,072	0	31.5	1,013	992
4.	Jempol	1,699	3	2.7	808	759
5.	Jelebu	96	3	32.25	64	63
6.	Seremban	-		-		-
7.	P.Dickson	-		-		-
JUMLAH		34,550	0	39.1	20,458	20,344

Sumber: Jabatan Ukur Negeri Sembilan

Jadual di atas menunjukkan jumlah bilangan Tanah Adat bagi seluruh Negeri Sembilan mengikut daerah. Jumlah keseluruhan Tanah Adat ialah 34,550 ekar dengan bilangan lot sebanyak 20,458 dan bilangan hakmilik tanah sebanyak 20,334. Daerah Kuala Pilah mencatatkan keluasan tertinggi diikuti dengan daerah Rembau di tempat kedua dengan keluasan 12,680 ekar, bilangan lot 8,622 dan bilangan hakmilik 8,587. Jadual tersebut ternyata menerangkan bilangan keluasan Tanah Adat yang tidak ekonomis untuk diusahakan secara komersil. Tanah-tanah ini tidak dapat dijalankan pertanian yang menguntungkan

walaupun mempunyai pengurusan yang cekap dan modal yang mencukupi serta kemudahan infrastruktur yang lengkap¹⁰⁹.

11) Selain daripada faktor-faktor di atas, perubahan cuaca turut mempengaruhi Tanah Adat menjadi terbiar. Pada dasarnya, perubahan cuaca akan dapat menentukan kesuburan tanah. Rembau bercuaca tropika tanpa pembahagian musim yang jelas dengan suhu hariannya dalam lingkungan 78-89 F serta kelembapan relatif sekitar 96%. Manakala purata hujan tahunannya ialah di bawah 2000 mm. Keadaan cuaca yang sentiasa berubah-ubah ini menyukarkan para petani menentukan corak penanaman dengan lebih teratur.

12) Masalah sistem pengairan juga kerap kali melanda pertanian di kawasan Tanah Adat. Kadangkala, taliair yang dibina adalah sempit dan dipenuhi rumput tebal. Ia juga dibina tidak mengikut strategi yang ditetapkan. Terdapat juga taliair yang dibina lebih rendah dari kawasan sawah. Oleh itu, air tidak dapat mengalir dengan baik ke kawasan sawah padi dan menyebabkan sawah menjadi kering. Air yang sepatutnya mengalir ke kawasan sawah telah berubah haluan ke dalam parit. Pembukaan tanah dan penebangan hutan telah menyebabkan anak-anak sungai menjadi kering dan menjejaskan bekalan air ke sawah. Ada petani yang terpaksa membina sendiri taliair dan menanggung sendiri kos pembinaanya. Oleh itu, taliair yang dibina itu tidak menepati ciri yang sepatutnya, sempit dan tidak boleh menampung air. Secara umumnya, bekalan air bagi penanaman padi di Negeri Sembilan bergantung kepada dua punca utama iaitu dari sungai dengan pembinaan empangan (empangan batu) dan bekalan air hujan. Terdapat juga usaha dari pihak kerajaan untuk mendalamkan parit-parit

¹⁰⁹ Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, halaman 279.

tetapi projek tersebut hanya melibatkan kawasan tertentu sahaja dan tidak melibatkan kesemua kawasan pertanian yang bermasalah¹¹⁰.

13) Tanah Adat juga tidak dapat dikerjakan kerana kekurangan infrastruktur contohnya jalanraya, parit dan jentera pertanian. Ada sesetengah kawasan yang terletak di perdalaman dan sukar untuk dihubungi. Tidak ada jalanraya yang menghubungkan kawasan tersebut dan jentera tidak dapat masuk rapat ke kawasan itu. Kawasan sekeliling diliputi hutan dan pokok-pokok besar. Ini menyebabkan kesukaran mobiliti pekerja dan jentera untuk mengusahakan pertanian. Manakala petani juga tidak mempunyai jentera pertanian seperti jentera pembajak, paip menyiram pokok dan lain-lain. Pembinaan parit dan terusan juga sukar dilakukan kerana kedudukan yang amat terpencil dari kawasan lain.

14) Kos yang tinggi juga menyebabkan Tanah Adat juga sukar diusahakan oleh pemiliknya. sesetengah petani tidak mempunyai modal yang cukup untuk menampung kos seperti menembang pokok sebelum tanah diterokai, membersihkan, membajak dan membuat petak sawah dan tenaga buruh. Jika ingin membina kolam ikan air tawar juga memerlukan modal yang besar untuk membeli benih ikan dan makanan ikan. Begitu juga jika ingin membuat ladang. Jalanraya mestilah diratakan dan kawasan mestilah dipagar bagi memastikan tidak dicerobohi oleh manusia dan binatang.

Dewasa ini, upah tenaga buruh adalah tinggi dan bagi petani yang tidak mampu mengerjakan sendiri tanah, mereka harus menggaji tenaga buruh dengan kadar yang ditetapkan.

¹¹⁰ Naziruddin Abdullah, *Skim Pembangunan Tanah di Malaysia, Satu Cadangan Alternatif*, UIA, Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya, Selangor, 1990, halaman...

Mengupah pekerja memerlukan belanja yang besar dan kadang-kadang kos yang ditanggung ini melebihi kadar hasil yang diperolehi. Oleh sebab itu, berlakunya kerugian dan perkara inilah menyebabkan tuan punya Tanah Adat tidak mahu menanggung risiko untuk mengerjakan tanah mereka.

Tambahan pula kos untuk membajak sawah adalah tinggi bagi yang menggunakan jentera pembajak. Kos untuk membajak seekor tanah bagi dua kali bajak adalah lebih kurang RM90-100 dan mestilah dibayar secara tunai. Rumput juga mestilah diracun terlebih dahulu sebelum tanah dibajak. Secara tidak langsung, petani juga harus mengeluarkan wang untuk membeli racun rumput, racun serangga dan memesin padi. Segala kos yang ditanggung ini membuatkan petani terpaksa berfikir dua kali sama ada usahanya mendatangkan keuntungan dan dapat menanggung segala kos ataupun tidak.

15) Sawah padi atau kebun merupakan kawasan pertanian yang sudah lama diusahakan. Tanah tersebut sudah berpuluh malah beratus tahun dahulu sehingga ke hari ini tanpa dapat dikawal kesuburannya. Kebanyakan petani tradisional tidak menggunakan kaedah-kaedah untuk menyuburkan tanah contohnya membaja. Walaupun ada skim bantuan baja dari pihak kerajaan namun, ramai petani yang menjual baja subsidi tersebut kerana kedudukan kewangan yang terdesak.

Bagi tanah sawah yang berdekatan dengan paya ia akan cepat menjadi masam kerana aliran air paya yang masuk ke dalam petak sawah. Petani hendaklah menggunakan kaedah tertentu untuk menyuburkan kembali tanah.

16) Dewasa ini, hakisan tanah kerap melanda kawasan kebun-kebun getah yang dijadikan tapak-tapak bagi projek pembinaan jalanraya ataupun projek perumahan. Pokok-pokok ditebang dan bukit-bukit diratakan. Usaha ini menyebabkan berlakunya hakisan tanah secara berleluasa terutamanya bila hujan turun dengan lebat. Perubahan terjadi pada permukaan tanah, lurah-lurah baru telah timbul dan pengaliran arus air menjadi bercelaru. Lembah-lembah pula tertimbus dengan tanah yang dihakis dari bukit. Permukaan tanah sawah tertimbus dengan tanah (subsoil) dari bukit yang tidak mengandungi apa-apa bahan organik dan parasnya juga lebih tinggi dari saluran air. Selain daripada tanah menjadi dawas (tidak berbaja), air juga tidak dapat mengalir ke dalam lopak sawah¹¹¹.

17) Tanah juga seringkali diserang serangga atau makhluk perosak. Ada kala petani langsung tidak dapat menikmati hasil yang ditanam kerana diserang oleh makhluk perosak seperti penebuk batang, cacing, lelompat, daun hijau, kutu beruang, tikus dan burung yang datang secara berkumpulan untuk memakan hasil tanam-tanaman. Selain dari[ada makhluk perosak, tanaman juga diserang oleh penyakit seperti penyakit merah, penyakit kerah, daun rintik dan hawar. Sesetengah petani tidak mempunyai pengetahuan tentang cara bagaimana untuk membasmi penyakit ini. Binatang kebanyakannya bersembunyi di dalam belukar, paya, batas, permatang dan sawah-sawah terbiar yang berhampiran. Manakala burung pipit pula akan menyerang ketika padi mula mengeluarkan buah. Akibatnya, padi tidak menjadi dan buah pula akan ditebuk oleh binatang-binatang tersebut¹¹².

¹¹¹ Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, halaman 189.

¹¹² Rohana Rashidin, *Tanah Terbiar Penduduk Melayu, Punca dan Penyelesaiannya di Alor Gajah Melaka*, UKM, 1986, halaman....

18) Faktor seterusnya yang menyebabkan Tanah Adat terbiar ialah disebabkan oleh pencemaran alam sekitar. Kilang-kilang banyak didirikan tidak jauh dari kawasan sawah dan kebun. Air dan sisa-sisa buangan dari kilang-kilang ini akan terus masuk sama ada ke dalam sungai ataupun ke dalam sawah padi. Sisa-sisa toksid yang dibuang ke sungai-sungai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab akan terus mengalir ke dalam bendang dan taliair. Akibatnya, sawah menjadi masam dan kesuburan tanah akan merosot. Sisa-sisa toksid juga amat berbahaya dan boleh menjadi racun kepada tanaman. Pokok-pokok akan mati dan seterusnya ditinggalkan begitu saja oleh petani¹¹³.

¹¹³ Abdul Samad Idris, *Adat Merentas Zaman*, halaman 189.

KESIMPULAN

Undang-undang pentadbiran Tanah Adat ini di Negeri Sembilan merupakan satu undang-undang yang unik dan perlu dipelihara oleh generasi yang akan datang. Walaupun terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat demi menyesuaikan dengan perubahan zaman, namun ia tidak harus melupakan terus kombinasi adat lama dengan adat baru dan perlu disesuaikan dengan peraturan tanah yang ada sekarang.

Dari perbincangan yang telah dikemukakan bermula dari Bab 1 hingga Bab 5 terdapat pelbagai pandangan yang berlainan tentang Tanah Adat. Falsafah di sebalik undang-undang adat tradisional ialah untuk menjaga kepentingan suku. Jadi, sebarang perubahan atau kelonggaran yang dicadangkan wajar dilakukan jika sekiranya kepentingan suku tidak terjejas. Sebarang undang-undang yang dipinda hendaklah menjaga kepentingan Tanah Adat dan orang Melayu khususnya agar hak mereka tidak akan tergadai. Usaha memulihkan Tanah Adat terbiar perlulah dilakukan dengan lebih giat lagi agar Tanah Adat ini dapat turut sama menyumbang ke arah pembangunan negara pada abad ke dua puluh satu akan datang. Kita seharusnya memastikan agar tidak timbul masalah atau dilema Tanah Adat kerana Tanah Adat sebenarnya bukan penghalang kepada kemajuan negara bahkan merupakan salah satu daripada aset yang bakal turut menyumbang kepada pembangunan negara.

RUJUKAN

Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, Malaysia Sociological Research Institute Ltd, Kuala Lumpur, 1975.

Abdul Majid Khalid, Ringkasan Sejarah Luak Rembau, Batu Hampar, Rembau, Negeri Sembilan, 1995.

Abdul Rahman Muhammad, dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1994.

Abdul Samad Idris, Adat Merentas Zaman, Jawatankuasa Penyelidik Budaya, Negeri Sembilan, 1995.

Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaanya, Pustaka Asas Negeri, Seremban, Negeri Sembilan 1970.

Abdullah Sidik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Asmad, Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua, Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd., 1990.

Azizah Kassim, Nasab Ibu dan Merantau, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1989

Bagindo Tanameh D.H., Hukum Adat dan Adat Minangkabau, N.V Poesako Aseli Jakarta.

Bushar Muhammad, Pokok-Pokok Hukum Adat, PT Prednya Pramitha, Jakarta, 1987.

Chatib Sulaiman H.B., The World of Minangkabau Custom, Ikhwan, Jakarta, 1995

HM Sidin, Asal-Usul Adat Resam Melayu, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.

Hasniah Hasan, Hukum Warisan Dalam Islam, PT Bina Ilmu, Surabaya, 1987.

IdrusHakimi, Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau, CV ROSDA, Bandung, 1978

Maimunah Manab, Adat Istiadat Perlantikan dan Peranan Buapak di Rembau, Seremban, Negeri Sembilan.

Main Rindam, Tanah Terbiar, Masalah dan Penyelesaiannya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.

Mochtar Naim, Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau, Center for Minangkabau Studies Press, Padang, Indonesia, 1968.

Muhammad Ali as-Shabuni, Hukum Waris Dalam Syariat Islam, Penerbit C. V. Diponegoro, Bandung, 1992.

Musa Fathullah Harun, Masalah Wasiat dan Faraid, Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 1994.

Nadzan Harun, Pentadbiran Tanah Masyarakat Adat di Kuala Pilah, 1877-1957: Suatu Kajian Dari Perspektif Sejarah Negeri Sembilan, 1994.

Naziruddin Abdullah, Skim Pembangunan Tanah di Malaysia, Satu Cadangan Alternatif, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya, 1990.

Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

KERTAS KERJA

Abdul Samad Idris, Adat Perpatih, Nilai dan Falasafahnya 'Biar Mati Anak Jangan Mati Adat', Seminar Adat Perpatih Negeri Sembilan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 1994, 26-28 Disember.

Kertas Kerja Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (Lampiran A), 1994.

Sulaiman Kadimi, Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Pejabat Tanah dan Galian, Seremban, Negeri Sembilan, 1990.

Yahya Yusofe, Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan, Kertas Kerja Brain Storming, Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan, 5-7 Mac 1997, Pulau Langkawi, Kedah.

JURNAL

Nadzmi Harun, Pelaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pentadbiran Tanah di Negeri Sembilan, Warisan 18, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1994.

Norazit Selat, Economic Structure and Property Inheritance of Adat Perpatih, Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. Malaysia Affiliate, Women's World Banking, Kuala Lumpur, 1994.

Zulkapli Othman, Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Minangkabau ke Negeri Sembilan, Warisan 16, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1992.

LATIHAN ILMIAH

Abdul Ghapa Harun, Enakmen Tanah Simpanan, Masyarakat Melayu dan Perlaksanaannya di Negeri Sembilan Hingga 30an, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.

Afandi Nordin, Undang-Undang Adat Tanah, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Che Wan Rohaya bt. Ramly, Tanah Adat di Negeri Sembilan: Satu Kajian Sosio Perundangan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1995.

Faradeed Mohd Dom, Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1978.

Jamilah Harun, Pembahagian Pusaka (Faraid) Menurut Amalan Adat Perpatih Secara Umum, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.

Nor Aziah Mohd. Yusof, Faktor-Faktor Kewujudan dan Strategi Pembangunan Tanah Terbiar, UKM, Bangi, Selangor.

Norzaimah Ab. Aziz, Keberkesanan Projek Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1988.

Rohana Rashidin, Tanah Terbiar Penduduk Melayu, Punca dan Penyelesaiannya di Alor Gajah, Melaka, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1986.

Tunku Shamsul Bahrin, Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1986.

Adat Sebagai Warisan Budaya Bangsa, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

TEMUBUAL

Datuk Muhammad Ghazali, Setiausaha Dewan Keadilan, Seremban, Negeri Sembilan.

Datuk Murtadza, Mufti Negeri Sembilan, Majlis, Agama Islam Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan.

Nik Ahmad Marzuki Nik Muhammad, Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Wisma Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan.

Sulaiman Kadimi, Pegawai Penyelesai Pusaka Kecil, Pejabat Tanah dan Galian, Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan.

Usman Lanjung, Datuk Sinda Maharaja, Rembau, Negeri Sembilan.

Zainal Aman, Datuk Mendaliko, Waris Seri Melenggang Empat Ibu, Rembau, Negeri Sembilan.

RESOLUSI REMBAU

Kepada Resident British:

Bahawa dengan sesungguhnya sahaya Dato' Dato' Lembaga yang bersain di bawah ini telah bermesyuarat dengan mendapat sebulat suara berkenaan dengan harta yang dinisbahkan kepada harta carian semuanya itu akan dijalankan mengikut bahagian hukum syarak. Tentang daripada tanah pesaka iaitu tanah O.T yang turun temurun di dalam suku itu tidak dengan dibeli yakni dapat sahaja dijalankan mengikut bahagian adat Rembau juga.

Di bawah surat ini ditandatangani oleh 18 orang Dato' Dato' Lembaga dan disahkan oleh Dato' Undang Luak Rembau. Surat ini bertarikh 10 Disember, 1927.

Pada tahun-tahun 1900 ke atas bermula kedatangan bangsa-bangsa asing ke Kuala Pilah dan disebabkan faktor-faktor ekonomi ada setengah tengah tanah pusaka ini digadaikan kepada bangsa tersebut dan pada akhirnya terlepas ke tangan mereka.

Memandangkan kepada masalah di atas Pentadbir-Pentadbir Inggeris memikirkan supaya satu undang-undang khas diadakan untuk mentadbirkan tanah-tanah pusaka ini.

PTKP.CTE.SEK.10/349/

JADUAL B

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 10 ENAKMEN PEMEGANGAN ADAT

(BAB 215)

Notis dengan ini diberi bahawa.....
sebagai pemohon yang tinggal di.....
.....menuntut untuk mewarisi pusaka
adat yang diperihalkan di bawah ini kepunyaan.....
sekarang ini simati dan telah memohon kepada saya untuk merekodkannya di dalam daftar
mukim sebagai tuan punya harta tersebut.

Sesiapa yang mempunyai bantahan atas perintah itu bolehlah membuat bantahan di Pejabat
Tanah, (yang berkaitan) sebelum atau pada..... pukul pagi/petang. Bantahan
selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima.

.....
Tarikh

.....
Pentadbir

PERIHAL HARTA PUSAKA

<u>Bil</u>	<u>No. Geran</u>	<u>No. Lot</u>	<u>Mukim</u>	<u>Keluasan</u>	<u>Bahagian simati</u>
-------------------	-------------------------	-----------------------	---------------------	------------------------	-------------------------------